

Nama pensyarah:

Dr. Nurazmallail Bin Marni

Ahli kumpulan:

AMIR FIRDAUS BIN ROSMAN

A20EC0180

IRFAN MUBIN BIN SHUKRI

A20EC0193

ARIF SUFFIAN BIN MUHAMMAD ZAILI

A20EC0184

AMIR HANIS BIN AZMAN

A20EC0181

SYAZA SYAURAH BINTI MOHD YUSRAN

A20EC0227

DARRSHAN A/L RAJAGOPAL

A20EC0188

Q1 :Apakah FPN/FPK masih relevan pada abad ke-21?

Pada pendapat saya, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) / Falsafah Pendidikan Kebangsaan(FPK) Malaysia masih relevan dengan sistem abad ke-21. Hal ini kerana, matlamat FPN/FPK adalah untuk menjamin seseorang pelajar itu berilmu pengetahuan bukan sahaja dari segi pendidikan semata, malah dari segi kehidupan juga. Ini bermakna ia termasuk dengan dua-dua kategori iaitu pembelajaran semasa hidup ataupun selepas hidup. Dunia abad ke-21 semakin mencabar dan sudah tentu banyak perubahan dari semasa ke semasa dalam pelbagai bentuk teknologi, ideologi atau sebagainya. Namun begitu, bagi memastikan sistem kukuh pada yang satu adalah hanya dengan berpandukan satu matlamat. Pendidikan merupakan sesuatu yang bernilai dalam diri seseorang dalam menempuhi liku-liku kehidupan. Dengan adanya FPK yang sememangnya telah diberi nafas baru dan sentiasa mengikut perkembangan zaman, saya yakin ia mampu untuk melahirkan seseorang dengan jati diri yang kukuh dan rasional serta berfikiran maju ke hadapan dalam era baharu ini. Oleh itu, dengan tegasnya saya yakin bahawa pendapat saya mempunyai alasan yang kukuh menunjukkan FPN/FPK Malaysia masih relevan dan patut digunakan lagi pada abad ke-21 ini.

Q2:Adakah FPN/FPK setara dengan halatuju agenda antarabangsa dan global?

Pada pendapat saya, Ya FPN yang dijalankan setara dengan halatuju agenda antarabangsa dan global. Hal ini diperkatakan sedemikian kerana, tujuan FPN dijalankan adalah untuk memupuk sifat yang matang dan stabil dalam diri pelajar dimana akan menjadikan pelajar tersebut mampu untuk berbahas atau berbincang tentang sesuatu topik dengan baik jika ditanya oleh mana mana pihak . Bukan itu sahaja, FPN juga dapat melahirkan sifat kekitaan dalam diri pelajar. Hal ini menyebabkan pelajar tersebut akan bersifat lebih terbuka dan mampu untuk menerima ketidaksamaan dari segi budaya dan kaum apabila diperingkat global.Akhir sekali, FPN mampu melahirkan insan yang terbuka untuk berkongsi ilmu dan berkhidmat dengan kepakaran masing masing demi mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Contohnya Dr Amalina Bakri yang berkhidmat di London.

Q3: Bagaimanakah FPN/FPK dan Malaysia

menyumbang kepada pendidikan dunia?

Pada pendapat saya, model FPN yang berpaksikan pendidikan yang holistik boleh dijadikan kayu pengukur atau penanda aras untuk negara-negara membangun yang lain. Negara-negara tersebut di mana tumpuan utama pendidikan mereka adalah untuk keluar dari pompong kemiskinan boleh menjadikan FPN Malaysia sebagai inspirasi mereka. Hal ini kerana FPN Malaysia berteraskan campuran antara kecemerlangan akademik, kemahiran amali, kekuatan spiritual dan penyemaian adab dan etika dalam diri. Kualiti tersebut bakal melahirkan manusia yang holistik sebagai persediaan untuk dunia luar. Dalam erti kata pendek, model FPN Malaysia merupakan model termudah untuk ditiru oleh negara-negara membangun yang lain.

Q4: Sejauh manakah FPN/FPK relevan dengan IR4.0?

Pada pendapat saya, FPN masih relevan dalam sistem IR4.0. IR4.0 merupakan suatu revolusi dimana tenaga pekerja telah digantikan dengan automasi seperti robotik dimana sangat kritikal untuk digunakan dalam kerja kerja pemprosesan. Namun begitu, betullah bahawa peluang pekerjaan akan menurun tapi ini telah memberi lebih banyak peluang untuk pembukaan peluang pekerjaan baru. Seperti yang diperkatakan dalam FPN bahawa bakat, potensi dan kebolehan perlu dikembangkan secara padu. Kebolehan dan potensi yang abstrak akan melahirkan banyak peluang baru di negara kita lalu melahirkan keunikan dan mengharumkan nama negara di persada dunia. Melihat kepada potensi belia pada masa kini tentu sekali perkara ini tidak mustahil untuk berlaku.

Selain itu, aspek hands on dan etika dalam FPN malaysia akan memainkan peranan penting kerana IR4 berteraskan teknologi. Dalam teknologi, perkara terpenting adalah kemahiran hands on dalam membuat atau menjalankan operasi menggunakan teknologi tersebut. Contohnya, kemahiran mengekod dan menjalankan program C++. Perkara ini memerlukan ilmu dan praktikal. Hal ini kerana, sekiranya seseorang itu hanya mempunyai teori tentang kod tersebut tanpa amali, maka kemungkinan besar mereka tidak akan dapat mempraktikkannya dalam situasi sebenar. Mereka akan tercenggang-cenggang kerana berilmu tanpa amal. Oleh itu jelaslah kepentingan aspek hands on atau amali yang diterapkan dalam FPN utk menangani cabaran IR4. Bagi aspek etika pula, hal ini merupakan satu sempadan antara baik dan buruk teknologi. Hal ini kerana seseorang yang tidak beretika akan menyalahgunakan teknologi seperti mencuri data. Oleh itu aspek etika juga penting dalam menangani cabaran IR4.

Konklusinya, revolusi IR4.0 mungkin dilihat sebagai sebuah perubahan yang negatif pada mata segelintir rakyat namun saya percaya bahawa dengan wujudnya revolusi IR4.0 negara kita akan mampu mencapai wawasan 2020 yang diinginkan pada sewaktu masa dahulu.